



KUNJUNGAN ... Prof Dr Vincent (empat kiri) bergambar kenangan bersama Prof Madya Dr Murnizam (empat kanan) di Pejabat Pengarah UMSKAL.

Turut kelihatan Dr Mohd Azri (tiga kanan) kunjungan hormat tersebut.

Dekan PPIB kunjungi Pengarah UMSKAL

LABUAN: Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Vincent Pang mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik, kelmarin.

Majlis yang berlangsung di pejabat Pengarah UMSKAL, Aras 13, Bangunan Menara itu turut dihadiri Penyelaras PPIB UMSKAL, Dr Mohd Azri Ibrahim dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Vincent berkata, kunjungan tersebut antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan baik yang sedia terjalin antara kedua-dua pihak sambil menambah untuk memaklumkan perkembangan terkini PPIB di UMS Labuan.

Beliau berada di sini untuk mempengerusikan mesyuarat dengan pensyarah PPIB UMSKAL di Bilik Mesyuarat PPIB Aras 4, Bangunan Menara UMS Labuan. Tamat. — **OLEH JAINUDIN DJIMIN** — jainudin@newsabahtimes.com.my

NST 19.10.2014 6